

Wanita warga asing salah guna dadah didenda

MIRI: Padah terlibat penyalahgunaan dadah, seorang wanita warga Brunei didenda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Tertuduh, Jespenena Chin, 27, dari Jalan Salam-bagar, Brunei, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Ashok Linggam.

Dia didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun

dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine, Methamphetamine, methylenedioxy-amphetamine (MDA) dan 3,4-methylenedioxy-methamphetamine (MDMA) yang tersenarai dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.38 pagi, 18 Januari lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.